



"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Yang Berbahagia Dr. Fatimah Haji Subet,
Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian
Komunikasi,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan, Sarawak.

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : DBP/003.10/100-14/1/4K.7 (45)
Tarikh : 30 Januari 2018
13 Jamadilawal 1439H

Yang Berbahagia Dr.,

KERTAS KERJA SAMPINGAN KONGRES SENI SARAWAK 2018

Dengan penuh hormatnya kami memohon perhatian Yang Berbahagia Dr. tentang perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Kerajaan Negeri Sarawak, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Majlis Seni Sarawak dengan kerjasama beberapa Jabatan lain akan mengadakan Kongres Seni Sarawak 2018 pada 21 – 22 Februari 2018 (Rabu – Khamis) di Hotel Pullman, Kuching. Kongres Seni ini diadakan untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang bahasa, persuratan dan seni persembahan.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami dengan penuh takzimnya ingin mengundang Yang Berbahagia Dr. untuk menghantar kertas kerja sampingan berkaitan bidang bahasa dan persuratan untuk dimuatkan dalam prosiding Kongres Seni Sarawak 2018. Kertas kerja tersebut hendaklah tidak melebihi 10 halaman, langkau 1.5, menggunakan fon bersaiz 12 dan hendaklah dihantar kepada pihak kami pada atau sebelum 9 Februari 2018 (Jumaat).

4. Sekiranya Yang Berbahagia Dr. mempunyai sebarang pertanyaan, Yang Berbahagia Dr. boleh berhubung terus dengan Dr. Haji Shantrol Abdullah (013-8335814), Puan Coretta Herliana Kura (014-8819069) atau Puan Sharhaniza Othman (012-8502404) melalui talian umum DBP 082-227000 atau melalui e-mel santrol@dbp.gov.my/sharhaniza@dbp.gov.my.

Perhatian dan kerjasama Yang Berbahagia Dr. dalam perkara ini sangatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BAHASA JIWA BANGSA"

Yang benar,

(DR. HAZAMI JAHARI)

Pengarah

Tel. : 082-227001

E-mel : hazami@dbp.gov.my



Kongres Seni Sarawak

*Merancang ke Arah Pelestarian
dan Pemerdayaan Seni Masyarakat
Sarawak*

21-22 Februari 2018
Hotel Pullman, Kuching

KANDUNGAN**HALAMAN**

Pengenalan	3
Hatta Azad Khan Industri Budaya (Kreatif): Menjana Pendapatan dari Magis Pentas dan Layar	6
Nor Hashimah Jalaluddin Bahasa dan Persuratan Peribumi Sarawak	26
Hazami Jahari Merancang dan Melestarikan Peradaban Seni dan Persuratan: Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak	47
Dilah Tuah Kuching Kota Persuratan Melayu Moden	55
Chemaline Osup <i>Sempama</i> Sebagai Satu Seni Istimewa dalam Bunga Bahasa Suku Kaum Iban: Ungkapan Metaforikal yang Menarik, Ekspresif dan Figuratif	67
Clarence Jerry Warisan Budaya Bidayuh: Pemeliharaan, Cabaran dan Prospek Kesenian Tradisional Bidayuh	92
Nur Afifah Vanitha Abdullah 'Naratif Lokal' dalam Kerangka Bangsawan	93
Sa'adiyah Ma'alip Sikap Bahasa Masyarakat Narum di Sarawak	108
Mary Fatimah Subet	128

Nyanyian Kanak-kanak Sebagai Wadah Seni Sastera dan Bahasa

Salbia Haji Hassan 145
Deskripsi Konsonan Dialek Melayu Kabong: Ke Arah Pelestarian Dialek-dialek Melayu di Sarawak

Haji Zainal Abiddin Haji Masleh 154
Pelestarian dan Kelestarian Bahasa Peribumi di Sarawak

Zuraini Seruji 174
Penggunaan Bahasa Tabu dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak

Muhammad Azri 196
Transformasi Seni Persembahan Sarawak

Nyanyian Kanak-Kanak Sebagai Wadah Seni Sastra dan Bahasa

Mary Fatimah Subet
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak

Pengenalan

KESUSASTERAAAN ialah ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa (Hashim Awang, 1984). Menurut beliau lagi, ciptaan seni sastra berbeza dengan ciptaan-ciptaan seni yang lain kerana ciptaan-ciptaan seni yang lain tidak menggunakan bahasa sebagai alat penyampaiannya, misalnya seni lukis menggunakan warna dan garis sebagai alat penyampaian, seni muzik menggunakan alat bunyi-bunyian, seni ukir menggunakan kayu, batu, logam dan sebagainya. Walau bagaimanapun alat penyampaian sesuatu seni sebagai medium perantaraannya, menurut Hashim Awang (1984) lagi, inilah cara keindahan sesuatu seni itu diketengahkan.

Kertas kerja ini akan memaparkan keindahan bahasa dalam nyanyian kanak-kanak sebagai wadah menyampaikan makna yang penuh dengan pengajaran. Kertas kerja ini merupakan lanjutan daripada satu kertas kerja yang dibentangkan oleh penulis dalam seminar Pelestarian dan Pendokumentasian Bahasa dan Sastra Peribumi Sarawak yang dianjurkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Sarawak pada 4 April 2017. Kekhuatiran kehilangan warisan seni ini menuntut pengkaji mengetengahkan kertas kerja ini kerana dalam kertas kerja ini diketengahkan 10 buah nyanyian kanak-kanak yang berada dalam simpanan pengkaji sejak lebih 30 tahun lamanya. Kertas kerja ini diharap dapat dijadikan dokumen bertulis yang mengandungi 10 buah nyanyian kanak-kanak yang diwarisi ini daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain agar usaha pendokumentasian sastra lisan terus dilaksanakan.

Secara ringkasnya, nyanyian kanak-kanak dikategorikan sebagai sastra lisan. Sastra lisan menurut Hashim Awang (1984), tetap hidup dan berkembang hingga kini. Kajian ini (2018) menyetujui pandangan Hashim Awang ini kerana mendapati, sudah

banyak nyanyian kanak-kanak yang diheri nafas baharu, dan didendangkan dengan lagu dan alat muzik. Pendek kata, ada antara nyanyian kanak-kanak ini dianimasikan. Semua ini antara langkah untuk mengekalkan nyanyian kanak-kanak ini sebagai warisan bangsa. Meninjau serba ringkis perkembangan awal sastra kanak-kanak ini, didapati perkembangan awal kesusasteraan kanak-kanak dapat dikesan daripada tradisi sastra lisan. Kertas kerja ini akan mengetengahkan nyanyian kanak-kanak masyarakat Melayu Sarawak yang masih mengekalkan ciri-ciri kesusasteraan lisan dalam usaha untuk memastikan nyanyian kanak-kanak ini terus kekal hingga berzaman.

Seperti dalam masyarakat Melayu lama, dan mana-mana masyarakat Melayu di Malaysia, masyarakat Melayu Sarawak juga mendendangkan puisi kanak-kanak dalam bentuk nyanyian untuk menghiburkan kanak-kanak, menidurkan mereka, bercerita dan berjenaka. Bersandarkan premis ini, kajian ini menyatakan bahawa nyanyian kanak-kanak juga satu seni yang menarik untuk dibicarakan. Menariknya, nyanyian kanak-kanak ini boleh sahaja dilagukan tanpa apa-apa alat muzik, kerana asal ada lirik, irama dan lagu akan terolah secara tersendiri dansenada. Hal ini kerana, nyanyian kanak-kanak merupakan satu bentuk seni yang bersifat ringan dan boleh dikuasai oleh sesiapa sahaja yang bermatlamat untuk menjadikan nyanyian kanak-kanak ini sebagai hiburan.

Sejak dahulu, didapati, golongan yang lebih tua dalam sesebuah keluarga akan mendendangkan nyanyian atau lagu-lagu berkenaan kepada yang lebih muda. Misalnya nenek atau datuk kepada cucu-cucu mereka, ibu atau bapa kepada anak-anak kecil mereka, dan kakak atau abang kepada adik-adik kecil mereka. Ini termasuk juga ibu-ibu dan bapa-bapa saudara kepada anak-anak saudara kecil mereka, jika menetap di bawah satu bumbung dan berada dalam satu keluarga besar di dalam sesebuah rumah. Satu kebaikan yang pasti, lagu-lagu ini akan dikuasai oleh kanak-kanak tersebut, dan akhirnya mereka membesar dan berkongsi lagu-lagu yang sering mereka dengar dan nyanyikan ini dengan rakan-rakan sepermainan. Maka, wujudlah sifat sastra lisan dalam lagu-lagu tersebut kerana diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain melalui mulut. Hal ini sejajar dengan pandangan Hashim Awang (1984:3) yang mengatakan